



Sumber: Melaka Hari Ini



KUMPULAN Aura Kesidang bergambar bersama Mohd Radzi dan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Melaka, Abu Sufian Abu Yaziz PADA Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2015 di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), Selangor, baru-baru ini.



ANTARA barisan kumpulan Syariah's Excellence yang berjaya mendapat Anugerah Emas 3 Bintang dalam konvensyen tersebut.

Kumpulan Inovasi Mahkamah Syariah Melaka diiktiraf terbaik

Oleh MOHD HAMZATUL AKMAR MD. ZAKARIA

BANDARAYA MELAKA 6 Dis. - Dua kumpulan inovasi Mahkamah Syariah Negeri Melaka iaitu Aura Kesidang dan Sy-

ariah's Excellence telah diiktiraf sebagai antara kumpulan inovasi terbaik di negara ini.

Ianya selepas menerima Anugerah Emas 3 Bintang pada Konvensyen

Team Excellence Kebangsaan 2015 yang diadakan di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), Selangor, baru-baru ini.

Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri

Melaka, Datuk Mohd Radzi Abd. Latif yang turut hadir dalam konvensyen itu memberikan sokongan padu serta menyunting semangat kedua-dua kumpulan ino-

vasi dari Mahkamah Syariah Negeri Melaka itu.

Konvensyen anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sempena Annual Productivity & Innovation Conference

dan Exposition (APIC) tersebut menyaksikan kedua-dua kumpulan membentangkan projek Two Easy (Aura Kesidang) dan E-Perintah (Syariah Excellence).

Lebih membanggakan, kumpulan Aura Kesidang turut meraih tempat ketiga bagi Kategori Sektor Awam (Negeri) bagi Anugerah NQE dengan membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai RM2,000.

Sijil dan wang tunai itu telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Lee Chee Leong.

Penganjuran konvensyen tersebut menyaksikan penyertaan sebanyak 218 kumpulan yang mewakili 158 organisasi dari seluruh negara ini.



KEJAYAAN mendapat Anugerah 3 Bintang dan tempat ketiga Kategori Sektor Awam (Negeri) dikongsi bersama kumpulan Syariah World Class dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu.